

Jenis Akhbar : Harian Ekspres (KK)

Tarikh : 27/10/2023

Edisi / Muka Surat : Sabah / 3

Tajuk : Masyarakat kini sedar kepentingan berkoperasi: Ewon

Masyarakat kini sedar kepentingan berkoperasi: Ewon

Mabulmaddin Shaiddin

KOTA BELUD: Masyarakat telah menyedari kepentingan berkoperasi dan menjadikan platform koperasi bukan sahaja sebagai tempat bermiaga dan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi peranannya juga diperluas sebagai tempat penyatuan dan pembangunan ekonomi masyarakat.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict berkata, kerjasama antara anggota koperasi dan masyarakat adalah tunjang kekuatan kepada koperasi khasnya, serta mengukuhkan institusi kemasyarakatan yang membentuk Malaysia Madani.

Katanya, ke arah itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan membantu proses penubuhan koperasi, sementara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkasa Sabah akan sentiasa bekerjasama untuk memperkasakan koperasi di Sabah.

Menurut Ewon, bimbingan dan latihan disediakan kepada koperasi, selain membantu koperasi untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dan bantuan seperti Tabung Modal Pusingan - SKM (TMPSKM) dan Geran Bantuan Pembangunan daripada SKM.

"Gerakan koperasi memainkan peranan sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara. Beribu-ribu koperasi di seluruh dunia mengeluarkan pelbagai produk dan perkhidmatan untuk dipasarkan.

"Impak daripada penubuhan koperasi di satu-satu kawasan ialah ia dapat men-



EWON menyerahkan sumbangan kanopi SKM kepada salah seorang peniaga tamu tradisi di majlis itu.

gangkat kedudukan sosial ahli serta membuka banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekelilingnya," jelas Ewon.

Ewon berkata demikian semasa merasmikan Program Membudayakan Masyarakat Berkoperasi Peringkat Ulu Woriu (Natesa) Kadamaian Kota Belud 2023 di Dewan Serbaguna SIB Kawasan Nahaba, pada Khamis.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Rusli Jaafar dan Pengarah SKM Negeri Sabah, Matias Kundapin.

Tambah Ewon, peranan SKM bukan sahaja untuk membangunkan koperasi semata-mata, tetapi juga menggalas hasrat kerajaan dalam membantu golongan

yang memerlukan bantuan dan bersama menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

"Peranan dan sumbangan koperasi begitu besar kepada ekonomi negara, dan ia perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Gerakan ini akan terus kukuh dan relevan, selagi ia berani menyahut cabaran dunia globalisasi serta membuat penyesuaian dengan arus perubahan semasa," ujarnya.

Dalam program itu, Ewon turut menyempurnakan penyerahan sumbangan kanopi SKM kepada peniaga-peniaga tamu tradisi komuniti kawasan Kadamaian, dan penyerahan bantuan bakul makanan kepada Gerakan Koperasi Kota Belud.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA